

Mandat besar BN di Johor bukan penolakan Putrajaya

● BN memang menerima mandat besar, tetapi kemenangan perlu diterjemahkan kepada pentadbiran lebih inklusif dan responsif terhadap semua pengundi, termasuk yang tidak menyokong BN

● PRN Johor ialah pilihan raya menentukan kerajaan Johor dan Menteri Besar, bukan pilihan raya umum untuk menentukan Kerajaan Persekutuan dan Perdana Menteri



Oleh Prof Madya Dr Mashitah Mohd Udin
bhrencana@bh.com.my

Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor ke-16 sudah berlalu. Ia ternyata memberikan kemenangan meyakinkan kepada Barisan Nasional (BN). Daripada 56 kerusi dipertandingkan, BN memenangi 48 kerusi, meningkat daripada 40 kerusi pada 2022.

Pakatan Harapan (PH) pula memenangi lapan kerusi, berkurangan daripada 12, manakala Perikatan Nasional (PN), Parti Bersama Malaysia (BERSAMA) dan parti lain gagal memenangi sebarang kerusi.

Tidak dapat dinafikan keputusan ini pengesahan terhadap pentadbiran negeri pimpinan BN. Namun, BN tidak seharusnya terlalu yakin.

Kemenangan besar pada peringkat kerusi DUN perlu dibaca bersama jumlah undi popular, pemindahan sokongan, pola keluar mengundi dan

san bandar dan separa bandar pernah dimenangi-nya beralih kepada BN.

DUN Simpang Jeram dipertahankan dengan majoriti hanya 170 undi, manakala DUN Stulang dengan majoriti 623 undi. Namun, kemerosotan kerusi PH tidak sama dengan kehancuran sokongan.

PH masih satu-satunya gabungan, selain BN memenangi kerusi. Ia mempertahankan DUN Bentayan, Simpang Jeram, Penggaram, Mengkil, Puteri Wangsa, Stulang, Skudai dan Senai.

Dengan hampir satu pertiga undi popular, PH kekal sebagai pencabar utama BN, khususnya di kawasan bandar, separa bandar dan kerusi campuran.

DUN Bukit Batu pula dimenangi BN dengan majoriti hanya 174 undi dan Perling dengan majoriti 1,611 undi.

Prestasi ini jauh lebih baik berbanding PN. Pada 2022, PN memperoleh lebih 24 peratus undi dan tiga kerusi. Pada 2026, bahagiannya jatuh kepada sekitar 5.4 peratus dan sifar kerusi.

BERSAMA pula bertanding di 15 kerusi, tetapi gagal memenangi sebarang kerusi, malah semua

Sebaliknya, ia menunjukkan kempen nasional tidak cukup kuat untuk mengatasi kelebihan BN dari segi jentera, calon tempatan, rekod pentadbiran negeri dan populariti Menteri Besar.

Perubahan sokongan taktikal

Faktor pemindahan undi PN juga perlu diberi perhatian. Di beberapa kerusi seperti DUN Perling dan Johor Jaya, calon PH memperoleh undi lebih tinggi berbanding 2022, tetapi tetap tewas.

Terdapat petunjuk sebahagian penyokong PN beralih secara taktikal untuk mengundi BN. Justeru, sebahagian faktor kemenangan BN datang daripada penyatuan undi anti-PH atau sokongan sementara dan bukan semestinya bersifat kekal.

Jika hubungan dalam PN berubah atau muncul naratif politik baharu sokongan taktikal itu pasti berubah. BN wajar meraikan kejayaan mengukuhkan pentadbiran negeri, tetapi terdapat sekurang-kurangnya empat sebab tidak boleh terlalu yakin.

Pertama, 59.7 peratus undi ialah majoriti besar, tetapi masih jauh lebih rendah daripada 85.7 peratus kerusi dimenanginya. Sistem pilihan raya

konteks khusus pilihan raya negeri.

BN memperoleh kira-kira 59.7 peratus undi popular, tetapi menguasai 85.7 peratus kerusi DUN. PH pula memperoleh sekitar 32.6 peratus undi popular, namun hanya memenangi 14.3 peratus kerusi.

Jurang ini menunjukkan bagaimana sistem *'first past-the-post'* memperbesarkan kelebihan parti yang menang. Dalam sistem ini, kemenangan dengan majoriti 170 undi dan kemenangan dengan majoriti hampir 30,000 undi tetap menghasilkan kemenangan satu kerusi.

Oleh itu, keputusan '48-8' tidak bermakna hampir sembilan daripada 10 pengundi Johor memilih BN. Hampir satu pertiga pengundi masih memilih PH.

BN memang menerima mandat besar, tetapi kemenangan ini perlu diterjemahkan kepada pentadbiran lebih inklusif dan responsif terhadap semua pengundi, termasuk mereka yang tidak menyokong BN.

PH, khasnya DAP pula perlu menerima hakikat ia kehilangan empat kerusi DUN. Beberapa kawa-

calonnya kehilangan deposit. Oleh itu, keputusan ini satu *'setback'* kepada PH, khasnya DAP, tetapi bukan *'total loss'* seperti dialami PN dan BERSAMA.

Kehadiran aktif Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam beberapa kempen PH di Johor menyebabkan sesetengah pihak cuba menggambarkan keputusan ini sebagai referendum terhadap beliau dan Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun, tafsiran ini tidak mengambil kira sifat sebenar pertandingan.

PRN Johor ialah pilihan raya menentukan kerajaan Johor dan Menteri Besar, bukan pilihan raya umum (PRU) untuk menentukan kerajaan Persekutuan dan Perdana Menteri.

Pengundi boleh menyokong BN pada peringkat negeri kerana faktor pentadbiran tempatan, tetapi membuat pilihan berbeza dalam Pilihan Raya Parlimen.

Perdana Menteri memang berusaha keras membantu kempen PH. Namun, kegagalan PH membentuk gelombang kemenangan tidak membuktikan pengundi menolak beliau.

memperbesarkan kelebihan BN pada peringkat kerusi DUN.

Kedua, beberapa kerusi masih sangat marginal. DUN Bukit Batu, Simpang Jeram, Stulang, Jementah dan Perling diputuskan dengan majoriti antara 170 hingga 1,611 undi.

Perubahan kecil dalam kadar keluar mengundi, calon atau pemindahan undi boleh mengubah keputusan kerusi berkenaan pada pilihan raya akan datang.

Ketiga, hampir separuh daripada 2.73 juta pengundi Johor berusia bawah 40 tahun. Statistik Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) setakat 31 Mei lalu menunjukkan kira-kira 1.3 juta pengundi atau 47.6 peratus berusia antara 18 hingga 39 tahun.

Kelompok ini tidak semestinya mempunyai kesetiaan parti yang kekal dan menurut kajian ILHAM Centre, lebih bersifat *'candidate-centric'* serta cenderung membuat keputusan pada penghujung kempen.

Keempat, kemenangan BN banyak bergantung pada kekuatan khusus Johor seperti populariti Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi, jentera negeri, calon tempatan, rekod pentadbiran dan keyakinan terhadap agenda pembangunan negeri.

Kelebihan ini tidak boleh dipindahkan secara mekanikal ke negeri lain atau PRU. Kajian lapangan ILHAM Centre sebelum pengundian mendapati faktor paling dominan dalam PRN ini ialah sifatnya sebagai PRN berasingan daripada PRU.

Pengundi dilihat lebih memberi perhatian kepada prestasi kerajaan negeri, keberkesanan Menteri Besar, rekod penyampaian pembangunan dan isu dapat dirasakan secara langsung.

ILHAM Centre sendiri mengingatkan keberkesanan strategi BN di Johor tidak boleh dianggap sebagai formula secara automatik menghasilkan keputusan sama pada peringkat nasional.

Kesimpulannya, rakyat Johor memang menghantar mesej jelas, tetapi mesej utamanya ialah keyakinan terhadap kestabilan dan prestasi kerajaan negeri pimpinan BN. Ia bukannya penolakan terhadap Kerajaan Persekutuan atau Perdana Menteri.

